

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

Beli produk tempatan bantu jana ekonomi negara

Beli produk tempatan bantu jana ekonomi negara

**Fairus
Muhamad
Darus**
Universiti
Teknologi MARA,
Shah Alam

Ekonomi negara buat masa ini berada pada fasa mencabar susulan impak penularan COVID-19 dan cabaran ekonomi global yang tidak menentu.

Selain tanggungjawab kerajaan untuk mengatur dan melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif membangunkan kembali ekonomi, kita sebagai rakyat juga perlu memainkan peranan.

Antara kaedahnya dengan berganding bahu khususnya dalam memperkasakan ekonomi domestik.

Ia boleh dibuat dengan amalan membeli produk tempatan sebagai satu keutamaan. Tindakan ini akan membantu meningkatkan penjanaan ekonomi negara dan memperkasakan rakyat. Pembelian dan sokongan terhadap produk tempatan akan membantu usahawan tempatan untuk berkembang dan maju.

Dalam masa sama, usahawan tempatan juga dapat menawarkan produk berkualiti dengan harga yang berpatutan kepada rakyat. Peluang pekerjaan kepada rakyat juga dapat ditawarkan dengan lebih banyak. Jalinan kerjasama ini akan menggerakkan aliran tunai dan membantu ekonomi negara untuk tidak bergantung kepada pengaruh ekonomi antarabangsa.

Pembentukan ekonomi domestik yang positif dan mendahulukan masyarakat tempatan ini juga dapat membantu kerajaan menjana cukai sekali gus boleh dimanfaatkan kembali kepada rakyat. Misalnya melalui pembinaan infrastruktur dan prasarana yang lebih baik.

Pembelian produk tempatan juga bukan hanya meningkat ekonomi, tetapi sebagai pengguna kita mampu mendapat barangan yang lebih

segar dan berkualiti berbanding import.

Produk tempatan umumnya dihasilkan dengan kuantiti yang kecil bagi memastikan kesegarannya dan akan lebih cepat terjual. Berbanding produk import, ia dihasilkan dengan kuantiti yang banyak dan melalui tempoh penyimpanan lama ketika proses pengangkutan sebelum sampai ke tangan pengguna. Proses ini akan mengurangkan tahap kesegaran dan kualiti produk itu.

Tingkatkan semangat patriotisme

Dari satu segi lain, membeli produk tempatan turut meningkatkan semangat patriotisme. Melalui aktiviti pemasaran dan promosi, rakyat akan merasa yakin dan bangga apabila membeli dan menggunakan produk tempatan.

Selain itu, budaya membeli produk tempatan membantu negara dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon seperti mana komitmen kerajaan mencapai pelepasan karbon sifar atau 'net zero carbon emission' seawal tahun 2050.

Isu perubahan iklim dan kesannya terhadap

alam sekitar sudah banyak dibincangkan dan mendapat perhatian banyak pihak. Ia dikaitkan dengan aktiviti pelepasan karbon di atmosfera. Impak perubahan iklim menyebabkan berlakunya taburan hujan tidak menentu, banjir, tanah runtuh dan sebagainya yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat di negara ini.

Jadi, membeli produk tempatan dapat membantu dalam memperlahankan pelepasan karbon. Ini kerana antara sumber pelepasan karbon adalah melalui aktiviti pengangkutan. Produk tempatan cenderung mempunyai jarak yang lebih pendek dalam proses penghantarannya. Berbanding produk import, sering kali ia dihantar melalui pelbagai negara dan melalui jarak perjalanan yang jauh, menyebabkan peningkatan pelepasan karbon.

Di samping itu, penghasilan produk tempatan mempunyai kesan minima terhadap alam sekitar berbanding produk import yang kebanyakannya dihasilkan dalam skala besar bagi tujuan komersial.

Penghasilan produk tempatan lazimnya berteraskan penggunaan bahan mesra alam dan prosesnya lebih lestari kerana penghasilannya dalam skala kecil. Selain itu kitaran pusingan juga pendek demi memenuhi keperluan domestik.

Justeru itu, usaha mengadakan kempen membeli produk tempatan harus dilaksana di setiap lapisan masyarakat sepanjang masa. Pihak kerajaan juga harus mempertimbangkan sejumlah peruntukan dalam bajet ekonomi negara bagi merangsang dan membudayakan amalan membeli produk tempatan kerana ia membantu kelangsungan ekonomi dan kelestarian alam.

